

**MAKLUMAT INOVASI 2016**

Nama Ketua Kumpulan :	<b>RAAISYAH BINTI MOHAMED HANAFIAH ANAK CEKAL ENTERPRISE(KT-0301364-X)</b>
Jawatan dan Gred :	<b>PENGURUS SYARIKAT</b>
Alamat	<b>KG. KUBANG KERIAN, BUKIT PANAU, 17500 TANAH MERAH, KELANTAN.</b>
No. Telefon	<b>014-5401950</b>
No Faks	-
E-mail	<b>anakcekal@yahoo.com</b>
Senarai Ahli Kumpulan, Jawatan dan Gred:	
<ol style="list-style-type: none"> <li>1. RIDZWAH BINTI MOHAMED HANAFIAH (PENOLONG PENGURUS)</li> <li>2. RABI' ATUL IZZATI BINTI MOHAMED HANAFIAH (PEMBANTU)</li> </ol>	

Tajuk inovasi
<b>SERUNDING DAGING HABBATUSSAUDA</b>
Ringkasan Inovasi
<p>Serunding daging habbatussauda dirumus khas sebagai produk serunding daging bersama makanan sunnah iaitu habbatussauda.</p> <p>Serunding adalah makanan tradisi masyarakat Malaysia digabungkan bersama bijian habbatussauda yang dimasak khas bersesuaian dengan rasa dan tekstur serunding yang kering, dan berempah.</p> <p>Serunding Daging habbatussauda keluaran ini pernah memenangi silver medal di EUROINVENT 2016 di Romania pada 23 May 2016.</p>

## Latarbelakang

Syarikat Anak Cekal Enterprise telah beroperasi di Kg.Kubang kerian, Bukit Panau, 17500 Tanah Merah, Kelantan.

Syarikat ini mengeluarkan pelbagai jenis serunding iaitu serunding daging, serunding daging pedas, serunding ayam, serunding ayam pedas, serunding daging bergajus dan serunding ikan.

Premis pemprosesan dan serunding keluaran syarikat ini telah mendapat persijilan halal dari JAKIM (MS 1500 : 2009 1 079-09/2014).

Serunding syarikat ini dengan jenama samblado juga pernah memenangi pelbagai pertandingan iaitu:

Tahun 2013

- 1) Johan Serunding peringkat Negeri Kelantan HPPNK negeri Kelantan
- 2) Johan serunding peringkat kebangsaan sempena HPPNK Kuantan

Tahun 2015

- 1) Produk terbaik kluster makanan SDSI
- 2) Tempat ketiga peringkat Negeri Kelantan HPPNK negeri Kelantan
- 3) Tempat kedua peringkat kebangsaan sempena HPPNK Sarawak

Tahun 2016

- 1) Johan serunding peringkat Negeri Kelantan HPPNK negeri Kelantan

## Penjelasan inovasi

Serunding daging habbatussauda adalah formula khas yang menggabungkan serunding daging original mengikut masakan serunding tradisi Kelantan di tambah dengan ramuan bijian original habbatussauda.

Bijian habbatussauda yang original ini telah dimasak terlebih dahulu sebelum dimasukkan bersama ramuan serunding daging dan seterusnya dimasak sehingga kering.

Resipi asli serunding Kelantan dikekalkan dan ditambah elemen makanan sunnah iaitu habbatussauda.

## Faedah inovasi

Menurut riwayat Shahih Al-bukhari dan muslim menerusi hadis Abu Salamah, dari Abu Hurairah bahawa Rasulullah saw bersabda: "Hendaklah kamu memakan jintan hitam(habbatussauda), kerana jintan hitam mengandungi ubat untuk segala penyakit melainkan As- Saam (mati)"

Serunding Daging habbatussauda ini adalah inovasi dari produk serunding daging dengan campuran makanan sunnah iaitu habbatussauda dimana serunding daging ini menjadi snek makanan berasaskan daging yang amat berkhasiat.


Khasiat habbatussauda sudah terbukti dengan banyak kajian iaitu dapat membantu mengurangkan tekanan darah, mampu mengurangkan penyakit diabetis tahap kedua, meningkatkan kesihatan hati, meningkatkan daya ingatan, merawat penyakit asma, mengurangkan risiko kanser, merawat cirit-birit, merawat ekzema, meningkatkan warna kulit dan merawat masalah keguguran rambut.

Dengan keaslian sajian serunding daging yang boleh dimakan begitu sahaja dan campuran habbatussauda yang merupakan makanan sunnah yang amat berkhasiat ini dapat memberi kesan positif kepada pengguna.









KERAJAAN MALAYSIA  
GOVERNMENT OF MALAYSIA  
Sijil Pengesahan  
CERTIFICATE OF AUTHENTICATION  
HALAL

*Adalah dengan ini diperakui: It is hereby certified that:*

- 1. SERUNJING AYAM
- 2. SERUNJING DAGING BERGALUS
- 3. SERUNJING DAGING IMPORT
- 4. SERUNJING DAGING TEMPATAN
- 5. SERUNJING KUN

*yang dihasilkan / didaraskan / diuruskan oleh: Manufactured / distributed / managed by:*

ANAK CEKAL ENTERPRISE  
KD KUBANG KERIAN  
BUNIT PINAU,  
17500 TANAH MERAH, KELANTAN

*telah mematuhi hukum syarak dan Standard Halal Malaysia dan disetujui oleh Panel Pengesahan Halal  
has complied with Islamic Law and Malaysian Halal Standard and approved by Halal Certification Panel of*

JABATAN HAL EHWAL AGAMA ISLAM NEGERI KELANTAN

No. Sijil / No. No.  
JAKIM/MS 1022 (02)/492/2/ 1 079-09/2014  
Tarikh diterbitkan / Date of issue  
01 Disember 2015  
Dah ditunggu / Valid until  
31 Disember 2017  
Tarikh pengesahan / Certificate of approval  
01 Disember 2015